



## KENYATAAN MEDIA

PENGARAH DARUL QURAN  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

### BERKENAAN

MAJLIS PERASMIAN IHTIFAL HUFFAZ PERINGKAT KEBANGSAAN 2017 DAN  
EKSPLO SEMPENA ISTIADAT KONVOKESYEN DARUL QURAN JAKIM KALI KE-26

BERTEMPAT DI DEWAN MUKTAMAR  
DARUL QURAN JAKIM  
PADA 2 OGOS 2017

---

Seramai 800 kontinjen dari Darul Quran Jakim dan 11 buah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) seluruh Malaysia akan bertanding dalam Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan 2017 yang diadakan pada 1-5 Ogos 2017 bertempat di kompleks Darul Quran Jakim serta *venue-venue* sukan sekitar Kuala Kubu Bharu, Selangor.

2. Program dwi tahunan ini merupakan penganjuran kali ke-6 dan dengan penganjuran kali pertama diadakan pada tahun 2007. Darul Quran merupakan tuan rumah bagi kesemua kejohanan Ihtifal Huffaz kecuali pada tahun 2015, ianya dianjurkan oleh Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang di Kuantan selaku tuan rumah bersama.

3. Penganjuran Ihtifal Huffaz pada kali ini diadakan serentak dengan Ekspo sempena Majlis Istiadat Konvokesyen Darul Quran Jakim Kali Ke-26.

4. 11 buah Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN) selain Darul Quran yang terlibat dalam Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan 2017 ialah:

- i. Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Perlis;
- ii. Institut al-Quran Darul Aman (IQDAR), Kedah;
- iii. Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Perak;
- iv. Maahad Tahfiz al-Quran Wal Qiraat ADDIN Perak;

---

Unit Komunikasi Korporat & Pengantarabangsaan  
Darul Quran Jakim  
Jalan Hamzah, Ampang Pecah  
44000 Kuala Kubu Bharu  
Selangor Darul Ehsan

- v. Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN);
- vi. Maahad Tahfiz al-Quran Masjid Sayyidina Ali, Melaka;
- vii. Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Pahang;
- viii. Institut Pengajian Islam Terengganu (INSPI);
- ix. Institut al-Quran Terengganu (IQT);
- x. Maahad Tahfiz al-Quran, Majlis Agama Islam & Adat Istiadat Melayu Kelantan; dan
- xi. Institut Tahfiz al-Quran Negeri Sabah (ITQAS).

5. Sebanyak 26 acara akan dipertandingkan dalam kejohanan kali ini yang meliputi acara-acara ilmiah atau *ihlifal ilmi* dan acara sukan. Antara acara yang dipertandingkan bagi kategori *ihlifal ilmi* atau acara ilmiah adalah seperti Tilawah al-Quran Berqiraat, Hafazan al-Quran, Debat Ala Parlimen Bahasa Melayu, Debat Ala Parlimen Bahasa Inggeris dan Debat Ala Parlimen Bahasa Arab, Pidato Bahasa Melayu, Pidato Bahasa Inggeris, Pidato Bahasa Arab serta Nasyid. Bagi kategori acara sukan pula, acara-acara yang dipertandingkan adalah seperti bola sepak, bola jaring, sepak takraw, badminton, bola tampar, ping pong dan futsal.

6. Selain acara-acara yang dipertandingkan dalam Ihtifal Huffaz, terdapat juga pelbagai acara menarik yang telah dirancang bagi memeriahkan lagi ekspo konvokesyen pada tahun ini seperti *booth-booth* pameran serta gerai jualan, program Lailatul Quran, aktiviti berkayak, memanah dan sebagainya. Justeru, orang ramai dialu-alukan untuk datang ke kompleks Darul Quran, Kuala Kubu Bharu untuk memeriahkan lagi ekspo pada tahun ini di samping dapat melihat suasana di institusi tahfiz ini dengan lebih dekat.

7. Penganjuran program seperti ekspo dan Ihtifal Huffaz ini memberikan gambaran kepada masyarakat Malaysia bahawa dunia seorang penghafaz al-Quran sebenarnya bukanlah bersifat jumud yang hanya duduk di masjid, surau atau madrasah semata-mata membaca teks al-Quran tanpa terlibat dengan aktiviti-aktiviti keduniaan yang lain.

8. Semoga ekspo dan Ihtifal Huffaz ini mampu memberikan sesuatu yang positif kepada masyarakat amnya dan secara khususnya kepada para huffaz, dalam usaha kerajaan *”melahirkan generasi al-Quran yang bertaqwa, berilmu dan bermanfaat kepada pembangunan Negara dan Ummah”*, selaras dengan visi Darul Quran Jakim.

Sekian

DR. HAJI NORDIN BIN AHMAD

2 Ogos 2017